



## **TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**

**YB DATUK SERI DR. NORAINI AHMAD  
MENTERI PENGAJIAN TINGGI**

**SEMPENA:  
MAJLIS PERASMIAN  
MINGGU TVET NEGARA TAHUN 2022**

**20 JUN 2022 (ISNIN)  
10.00 PAGI  
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
SHAH ALAM, SELANGOR**

**Bismillahirrahmanirrahim.  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.  
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.**

Terima kasih kepada saudara/saudari Pengacara Majlis.

**Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob,  
Perdana Menteri Malaysia;**

**Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan  
Menteri;**

**Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Zuki bin Ali,  
Ketua Setiausaha Negara;**

**Yang Berbahagia Dato' Sri Mohd Shafiq bin Abdullah,  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;**

**Yang Berbahagia Dato' Seri Abdul Razak bin Jaafar,  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Pengajian Tinggi;**

**Ketua-ketua Setiausaha Kementerian,**

**Ketua-ketua Jabatan dan Agensi,**

**Dan seterusnya Dif-dif Kehormat serta para jemputan yang  
saya hormati sekalian.**

## **PEMBUKA BICARA**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini sempena **Majlis Perasmian Minggu TVET Negara Tahun 2022 atau MTN 2022**.
2. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada **Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri**, kerana sudi menerima undangan untuk menyempurnakan acara hari ini. Begitu juga kepada rakan-rakan Yang Berhormat Menteri yang turut sama menyantuni majlis ini. Sesungguhnya, seluruh Keluarga TVET yang hadir pada hari ini berasa amat gembira dan berbesar hati dengan kehadiran Yang Amat Berhormat dan Yang Berhormat semua.

## **MTVET MEMPERKUKUH EKOSISTEM TVET NEGARA**

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

3. Sebelum ke inti pati majlis kita pada hari ini, izinkan saya memperkenalkan sedikit tentang landskap TVET negara. Keseluruhannya, di Malaysia ada **1,295 buah institusi dan penyedia TVET**. Ini merangkumi 640 institusi TVET awam di bawah seliaan 11 Kementerian, 22 institusi TVET Kerajaan Negeri dan 633 penyedia TVET swasta. Sudah tentu jumlah yang agak besar ini memerlukan tadbir urus yang bersepadu.

4. Dalam hubungan ini, inisiatif penubuhan **Majlis TVET Negara (MTVET)** pada 18 Disember 2020 yang lalu merupakan satu keputusan bersifat *breakthrough* oleh Kerajaan. Ia menjadi titik mula yang berjaya meruntuhkan tembok *silo* antara kementerian dan agensi penyedia TVET. KPT turut dengan tangan yang terbuka menyambut amanah sebagai Sekretariat utama.
  
5. Alhamdulillah, di peringkat sekretariat kita telah berjaya mengaturkan beberapa mesyuarat melibatkan peringkat Majlis, Jawatankuasa Eksekutif (JKE), dan Kumpulan Fokus (KF). **Lima aspek pemerkasaan TVET** menjadi tumpuan, iaitu **Governan; Industri; Kualiti; Pembiayaan; dan Penjenamaan**.
  
6. Untuk pengetahuan semua juga, tiga Teras Strategik TVET telah digariskan, iaitu **Tadbir Urus Bersepadu Dan Terselaras; TVET Dipacu Industri; dan TVET Mencorak Masa Depan**. Beberapa agenda pemerkasaan TVET juga turut dikenal pasti termasuklah:
  - (1) Merangka **model pembiayaan mampan**;
  - (2) Membangunkan **polisi untuk menggalakkan penyertaan industri**;
  - (3) Mewujudkan **Pelan Penjenamaan TVET Nasional**;
  - (4) Menubuhkan **TVET Collaboration Hub (TCH)**;
  - (5) Mewujudkan **polisi penyelarasan penawaran program TVET**; dan
  - (6) Membangunkan **Data Raya TVET (DRT)**.

7. Dalam Mesyuarat MTVET yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri sendiri pada 3 Februari lepas misalnya. Cadangan pelaksanaan TCH, penubuhan GITC, dan Penarafan Tunggal Program TVET telah dipersetujui.
8. Terima kasih saya ucapkan, khususnya kepada pihak industri, kementerian serta agensi yang menganggotai JKE dan KF. Usaha semua menjadikan inisiatif yang digariskan sebagai satu kenyataan amatlah dihargai. Insya-Allah, seluruh Keluarga TVET Malaysia akan terus komited untuk memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif lain berjalan mengikut perancangan.
9. Matlamat kita senada, iaitu untuk melahirkan graduan TVET yang berkualiti. Aspirasi bersama kita adalah untuk membangunkan modal insan berkemahiran tinggi, menepati keperluan industri. Dan, kita juga mahu memartabatkan bidang TVET Malaysia! Insya-Allah!

## **PENJENAMAAN TVET NEGARA**

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

10. Seperti yang saya sebutkan tadi, satu daripada agenda utama pemeraksanaan TVET adalah membangunkan **Pelan Penjenamaan TVET Negara**. Pelan ini penting untuk menganjak paradigma dan meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap TVET. Ada beberapa perkara yang telah kita masukkan di bawah agenda ini.

11. Antaranya adalah dengan memperkenalkan **logo TVET Malaysia**. Logo ini akan menjadi simbol kebersamaan semua kementerian penyedia TVET. Selain itu, kita turut memilih slogan “**TVET Pilihan Utama Kerjaya**” sebagai satu laungan keramat semua institusi TVET di negara ini, dalam upaya memposisikan TVET di laluan pendidikan utama, sekali gus menjadikannya sebagai antara pilihan kerjaya yang direbut.
12. Kita juga menerbitkan **Buku Penjenamaan TVET Negara**, yang insya-Allah akan dilancarkan bersama-sama dengan logo dan slogan TVET, oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Perdana Menteri sebentar sahaja nanti. Buku ini akan memberikan panduan kepada penyedia TVET dalam mempertingkatkan lagi Penjenamaan TVET di persada nasional serta global.
13. Dan, seperti yang semua dapat saksikan hari ini, kita juga mengadakan **Sambutan Minggu TVET Negara 2022** atau ringkasnya, **MTN 2022**, buat pertama kalinya dalam sejarah negara!

### **SAMBUTAN MINGGU TVET NEGARA 2022**

14. Untuk makluman, penganjuran MTN 2022 adalah untuk meningkatkan keterlihatan bidang TVET kepada setiap lapisan masyarakat. Acara berskala besar ini turut menjadi platform mengeratkan lagi jaringan kerjasama antara industri, masyarakat dan penyedia TVET.

15. Selain itu, ia juga merupakan wadah untuk menyebarkan maklumat berkaitan bidang dan masa depan kerjaya TVET. Tepat pada masanya, lebih-lebih lagi apabila pada 16 Jun yang lepas keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia diumumkan.
16. Pelbagai aktiviti turut disusun sepanjang minggu ini. Antaranya kita ada forum, seminar, pameran, Karnival TVET, serta libat urus dengan pihak industri. Kita menjangkakan juga temuduga terbuka kerjaya dalam bidang TVET bakal menjadi tarikan kepada pengunjung.
17. Dalam hubungan yang sama, MTN 2022 turut menzahirkan penghargaan Kerajaan kepada semua pihak yang sentiasa berganding bahu membantu meningkatkan jenama TVET. Justeru, pada hari ini juga, kita bakal menyaksikan pengiktirafan diberi kepada **10 orang alumni atau pelajar** yang mewakili setiap Kementerian Penyedia TVET sebagai **Wira TVET Negara**. Semoga pengiktirafan ini akan mendorong wira-wira ini untuk terus menyumbang tenaga dan idea kepada negara.
18. Harapan kami di pihak penganjur juga, adalah agar semua yang datang, mendapat manfaat yang sebaiknya. Terima kasih saya ucapkan! Jemputlah untuk terus bersama-sama dalam Keluarga Besar TVET Malaysia hingga ke hari terakhir sambutan.

## **PENUTUP**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri, atas sokongan padu dalam menjayakan agenda pemerkasaan TVET negara. Begitu juga, terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri kerana sudi menjengah merasmikan MTN 2022 pada hari ini.
20. Tidak dilupakan, tahniah dan syabas juga kepada seluruh jawatankuasa pelaksana, semua kementerian, agensi, pihak industri, media dan juga Majlis Bandaraya Shah Alam serta semua pihak yang terlibat memastikan kelancaran Sambutan Minggu TVET Negara 2022.

**Insya-Allah, TVET Pilihan Keluarga Malaysia!**

Sekian.

Wabillahitaufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

(875 patah perkataan tidak termasuk salulasi)

Kemas kini: 20 Jun 2022